

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN BUKU SASTERAWAN NEGARA USMAN AWANG

TEMPAT: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 24 SEP 1987

MASA:

Yang Berbahagia Datuk Hassan Ahmad,
Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka;
Saudara Usman Awang;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.
Saya berbangga kerana diberi penghormatan untuk melancarkan dua buah buku karya Sasterawan Negara, Saudara Usman Awang pada pagi ini. Saya percaya kedua-dua buah buku ini akan menjadi khazanah yang sangat berharga di dalam kesusasteraan kita.

2. Saudara Usman Awang adalah di antara sebilangan kecil penulis Melayu yang dibaca dengan meluas oleh pelbagai kaum di negara ini. Beliau juga adalah di antara penulis tempatan yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan karya-karyanya telah banyak diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain. Ini membuktikan bahawa Saudara Usman Awang telah berjaya melampaui batas bangsa dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Izinkan saya pada mulanya untuk menyentuh sedikit mengenai sastera dan sasterawan secara umum. Memang kesusasteraan milik masyarakat dunia. Pengucapan sastera tidak mengenal ras atau warna kulit. Kerana itulah sastera dapat dihayati oleh setiap orang. Karya penulis-penulis Barat misalnya dibaca oleh kita, sasterawan India dikenali oleh peminat sastera di negara ini, seperti juga novelis-novelis Afrika dan Amerika Latin dengan mudah dapat diterima oleh pembaca di sini.

4. Kita boleh bertanya dan soalan ini telah diulang beribu kali dan telah menimbulkan pelbagai tanggapan dan reaksi. Apakah agaknya matlamat sastera? Memberikan kepuasan? Berkongsi pengalaman? Menyedarkan masyarakat? Memberikan keinsafan? Atau hanya sebagai bahan untuk mengisi masa lapang? Soalan ini sampai bilapun tidak akan terjawab sepenuhnya. Setiap orang mempunyai sikap dan pemikiran yang tersendiri. Setiap sasterawan mempunyai sebab mengapa dia menulis.

5. Tetapi satu perkara adalah jelas, bahawa sastera tidak akan bermakna sekiranya sasterawannya tidak mempunyai sesuatu komitmen kepada diri atau pembacanya. Sastera tidak

boleh terhasil dari satu ruang kosong. Sastera tidak akan mendapat perhatian masyarakat sekiranya ia tidak bertolak dari suara atau aspirasi masyarakat itu. Sastera yang boleh diterima umum terhasil daripada tindak-balas yang langsung di antara masyarakat dengan penciptanya. Karya yang paling eksperimental sekalipun sebenarnya merupakan reaksi, baik keresahan atau kekecewaan, seseorang sasterawan terhadap masyarakatnya. Inilah yang kita harapkan daripada para sasterawan kita iaitu karya-karya dihasilkan daripada suara dan aspirasi rakyat.

6. Di samping itu sasterawan juga harus menyedari realiti politik dan sosial kita. Sastera juga lahir sebagai percikan daripada tuntutan atau keperluan setempat dan diwarnakan pula dengan ciri atau sifat yang khusus bagi tempat di mana hasil karya itu lahir. Walaupun nasionalis kita menggunakan sastera untuk memperjuangkan kemerdekaan pada satu ketika dahulu, seperti juga pejuang kebangsaan menggunakan sastera di negara-negara lain untuk mencapai tujuan yang sama, namun terdapat perbezaan yang tersendiri daripada segi keperluan dan pendekatan sesuatu daerah atau wilayah itu. Biar apapun cita-cita sasterawan, dia tidak boleh semata-mata menolak masyarakatnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Saudara Usman Awang dikatakan telah mengubah cara kita melihat hasil sastera lama. Sajak-sajaknya berbau tradisi tetapi menampakkan suara ketegasan dan keberanian yang cukup istimewa. Kalau Saudara Usman Awang dikatakan seorang penyair romantik, mungkin pada cara berbahasa atau kelembutan gubahannya, tetapi di sebalik kelembutan itu terdapat suara keresahan dan kritikan yang tajam.

8. Kita harus sedar yang lama itu tidak semestinya kuno atau tidak penting. Sebaliknya banyak yang boleh kita pelajari dari tradisi kebudayaan, kesusasteraan dan kesenian yang silam. Jikalau kita menyingkap kekuatan dan daya cipta orang-orang yang terdahulu daripada kita dan menyesuaikan dengan keperluan atau kehendak semasa, kita akan mendapat nilai-nilai yang ideal di dalam membina tradisi masyarakat semasa.

9. Tidak semua yang lama itu pula baik dan boleh diikuti. Ada nilai-nilai yang perlu dikikis atau dilupakan. Maka dalam usaha membina satu masyarakat Malaysia yang bermaruah dan dihormati, dan dapat diuji ketahanannya, kita harus bersedia untuk menimba yang baik dari yang silam dan mengenyahkan pula nilai-nilai yang akan merugikan masyarakat.

10. Kita harus berani menyatakan sesuatu nilai yang lama itu salah atau tidak secocok dengan keperluan sekarang. Kita juga harus berani menerima hakikat bahawa dalam membentuk satu masyarakat yang baru dan progresif, kita perlu menolak mana-mana nilai yang kita rasa merugikan atau boleh menghalang cita-cita masyarakat semasa. Kita juga

harus berani memberi tafsiran baru terhadap nilai-nilai lama itu seperti yang telah dilakukan dengan jayanya oleh Saudara Usman Awang di dalam beberapa buah karyanya.

11. Sasterawan tidak harus menggunakan kertas dan pena untuk menyuarakan sikap atau pemikirannya sahaja, tetapi seharusnya sentiasa peka kepada perubahan dan kecenderungan semasa dan secara aktif terlibat di dalam kegiatan-kegiatan masyarakat. Semenjak sekian lama, Saudara Usman Awang tidak hanya bergiat sebagai sasterawan tetapi turun ke gelanggang memperjuangkan nasib rakyat sebagai wartawan, budayawan dan sebagai pembela sosial.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sedikit mengenai amalan membaca di negara ini. Mungkin ianya agak terpesong sedikit daripada sastera dan sasterawan, tetapi saya rasa ini adalah satu perkara yang kita sama-sama harus fikirkan.

13. Negara-negara maju mempunyai peratusan yang tinggi di kalangan rakyat mereka yang membaca akhbar, majalah, buku pengetahuan, buku cerita dan sebagainya. Di Malaysia hasil daripada usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan minat suka membaca, kegemaran membaca semakin lama semakin meningkat dan dengan itu ilmu pengetahuan juga turut meningkat.

14. Walau bagaimanapun ramai akan mengakui bahawa kita belum lagi berpuas hati dengan perkembangan minat suka membaca ini. Mungkin di bandar-bandar kita, telah mencapai sedikit-sebanyak kemajuan tetapi di bandar-bandar pun banyak lagi yang harus kita lakukan untuk menyemaikan minat ini. Jikalau kita tidak begitu berpuas hati dengan kemajuan di bandar-bandar, apatah lagi perasaan kita dengan keadaan di luar bandar. Tabiat suka membaca ini kurang berkembang di desa mungkin kerana faktor ekonomi dan mungkin kerana kurangnya masa lapang. Walaupun terdapat berbagai faktor yang menghalang meningkatnya kegemaran membaca di luar bandar, kita harus berusaha bersungguh-sungguh mencari jalan supaya kedudukan sekarang ini akan menjadi bertambah baik. Minat suka membaca ini mestilah ditanamkan daripada kecil lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Saya difahamkan dua buah buku yang dilancarkan hari ini mengandungi karya-karya Saudara Usman Awang yang terbaik dan setengah-setengahnya telah menjadi lagenda sepanjang penglibatannya dalam bidang kesusasteraan. Kepada Saudara Usman Awang, kumpulan karya yang dilancarkan hari ini tidak seharusnya bermakna bahawa beliau tidak boleh berkarya lagi, atau telah mencapai kemuncak daya-ciptanya. Sebaliknya, kita masih berharap akan karya-karya daripada beliau.

16. Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan kedua-dua buah buku karya Sasterawan Negara, Saudara Usman Awang.

Terima kasih.